

## INFO TIDAK BENAR COVID-19

# Rujuklah pihak berautoriti

Bersama  
Dr Mahfuz

Dr Mohammad  
Asraf Faizi



egara kita sedang berdepan gelombang ketiga pandemik Covid-19.

Walaupun mencatat tiga angka kes baharu setiap hari selama lebih kurang sebuah namun kadar positif Covid-19 di Malaysia adalah jauh lebih rendah berbanding negara-negara lain di seluruh dunia.

Sehingga 8 November 2020, terdapat hampir 44 juta kes positif Covid-19 yang dilaporkan di seluruh dunia dengan jumlah sekitar kematian lebih 1.2 juta kematian.

Memandangkan Covid-19 adalah issu yang penting di seluruh dunia, kita sering kali mendengar berita berkaitan kajian perubatan mengenainya.

Sebagai contoh, pada awal Oktober baru-baru ini, akhbar di seluruh dunia termasuk di negara kita melaporkan bahawa ujian Covid-19 telah menyebabkan kecemasan cecair otak pada pasien Covid-19 di Persekutuan Syrinkej.

Berita ini tular di media sosial menyebabkan panik dalam kalangan masyarakat dunia dan memperosokan keselamatan ujian Covid-19.

Bagaimana kita hendak mendepani berita seperti ini?

Sebagai orang awam, pertama-tama kita perlu memastikan sumbu asasi berita ini.

Kebiasaannya laporan akhbar seperti ini akan disertai dengan sumber asasi berita berkenaan.

Kesimpulannya bila dilaporkan dalam jurnal penyelidikan. Secara tepat, berita ini sudah dilaporkan di jurnal *JAMA Otolaryngology*, jurnal penyelidikan perubatan terkenama di dunia.

Sebelum sebuah berita atau artikel diterbitkan di dalam jurnal penyelidikan, proses suntingan akan dilajukan secara beberapa peringkat.

Selaras melepas tapisan editor, berita atau artikel itu akan disemak oleh penyelidik lain.

Pada akhirnya, ia akan dibiasakan 2 atau 3 penyelidik akan dilantik menjadi penyemak.

Syarat penting untuk menjadi penyemak berita atau artikel itu ialah seseorang itu mestilah juga seorang penyelidik dan mestilah

SEORANG pesakit Covid-19 diwatai di sebuah hospital di Mendoza, Argentina tidak terlibat atau terkait secara langsung atau tidak langsung dengan penyelidikan berkenaan. Selain itu, individu ini mesti mempunyai kepercayaan dalam bidang berkenaan.

Tambahan pula, berita terpenting seperti ini biasa dilaporkan dalam jurnal penyelidikan perubatan.

Ini adalah penyelidikan biasa dalam jurnal penyelidikan perubatan di mana mereka meletakkan berita seperti ini di bawah kategori laporan kes.

Laporan kes seperti ini tidak menandakan atau menyifatkan bahawa ujian yang Covid-19 adalah selamat dan tidak mendatangkan masalah kepada majoriti orang yang diaji.

Jadi, aman penting laporan berita seperti ini ditelatakan dengan teliti yang sesuai supaya tidak memberi makna kesan panah kepada orang awam.

Setelah memastikan berita itu adalah sahih, tindakan berikut seterusnya ialah merangka kaedah untuk menyebarkan maklumat ini dalam konteks

yang sebenar.

Untuk memahami berita ini dalam konteks yang tepat, rakyat harus merujuk kepada pihak berautoriti.

Di Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdulla merupakan sumber maklumat utama sejak beberapa bulan yang lalu.

Segala berita atau maklumat palsu mengenai Covid-19 akan disebarluaskan melalui media sosial KKM atau Pengarah Kesihatan sendiri.

Selain KKM, kita juga boleh merujuk kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang juga mengadakan sidang akbar harian mengenai Covid-19.

Selain itu, pihak media juga perlu memahami peranan perniagaan dalam menyebarkan berita berkaitan kajian penyelidikan terutama mengenai Covid-19.

Media bukan sahaja bertanggungjawab menyebarkan berita yang sah, tetapi juga

perlu memastikan berita itu disampaikan dalam konteks dan pemahaman yang betul.

Dilema pihak media adalah untuk memperolehi capaian dan rating yang tinggi dengan menerbitkan tajuk berita yang menarik.

Menjadi tanggungjawab media juga untuk menyampaikan berita yang sama adil dan benar-tepat.

Pihak editor dan penyunting harus memahami peranan serta berpegang kepada etika kewartawaran dengan merangka tajuk yang bersifat informatif dan menarik di samping tidak menyimpang daripada memberikan maklumat yang tepat dalam konteks yang sesuai.

Bertepatan dengan kempen Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), ia juga mengadakan laman web palsu momen dan usaha semua pihak untuk menjayakan kempen ini.

Usaha-usaha ini haruslah melibatkan penyampaian berita dengan pemahaman dalam situasi yang sebenar.

Ini amatlah penting terutama membentuk perubatan Covid-19 terutama berkenaan vaksin yang dijangka pakai tidak lama lagi.

**Penulis adalah Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang dan Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang**

## dialog kotaraya oleh juragan

